

# Sikap Terhadap Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes Di Pantai Timur Semenanjung

ZULKIFLEY HAMID  
RAHIM AMAN  
KARIM HARUN

## ABSTRAK

Kajian ini meneliti secara empirikal sikap dan penerimaan masyarakat bandar dan luar bandar terhadap bahasa Melayu dengan memfokus kepada penutur bahasa Melayu di kawasan pantai timur Semenanjung, iaitu negeri Pahang Darul Makmur. Enam buah daerah di negeri Pahang telah dipilih sebagai kawasan kajian iaitu, Temerloh, Maran, Jerantut, Muadzam Shah, Kuala Lipis, dan Kuantan. Penelitian terhadap sikap bahasa ini memanfaatkan pendekatan Sosiolinguistik. Sebanyak 200 borang soal selidik telah diedarkan kepada responden yang berumur dalam lingkungan 10 tahun hingga 61 tahun. Di samping soal selidik, data kajian juga diperoleh dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian turut serta. Data ini dianalisis menggunakan kaedah SPSS. Hasil kajian mendapati bahawa sikap bahasa masyarakat Pantai Timur adalah berbeza-beza mengikut pemboleh ubah yang telah ditetapkan. Sikap bahasa berdasarkan umur, keturunan, agama, taraf pendidikan dan lokasi kediaman memperlihatkan perbezaan yang ketara. Namun begitu, daripada segi taraf pendapatan dan taraf perkahwinan pula sikap bahasa tidak memperlihatkan perbezaan yang ketara. Secara keseluruhan, berdasarkan ujian kesahan dan kebolehpercayaan ke atas tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu, sikap dan penerimaan bahasa Melayu serta sikap terhadap bahasa Melayu, menunjukkan bahawa terdapat kesahan dan kebolehpercayaan yang cukup tinggi dalam masyarakat Melayu di pantai timur terhadap bahasa Melayu.

Kata kunci: Sikap bahasa, penguasaan bahasa, status bahasa, penerimaan bahasa dan perancangan bahasa.

## ABSTRACT

This is an empirical survey of Malay language attitude and acceptance amongst the urban and rural communities by focusing on the East Coast Peninsula area of Pahang. Six districts were selected as the areas of study, namely, Temerloh, Maran, Jerantut, Muadzam Shah, Kuala Lipis, and Kuantan. Data were analyzed to evaluate whether the attitude and perception of both communities toward

the ability and commercial values of Malay language had changed or otherwise. The analysis utilized Sociolinguistic approach. 200 questionnaires were distributed to respondents aged between 10 to 61 years old. Personal interviews and field observations were also undertaken. The data were analyzed by using SPSS method. Results of this survey indicated there are admixture-attitudes among the East Coast communities toward Malay language, depending on the variables. It could be concluded that age, racial group, religion, level of education and residential place are the major variables in determining the language attitudes and perceptions. Nevertheless, the disposal income and marital status had not showed obvious differences as to be regarded as variables. As a whole, based on the validity and credibility tests on the Malay language acquaintance, attitude and acceptance of Malay language, as well as the attitude toward the Malay language, there are substantial trusts and credibility among the East Coast Malay community toward the Malay language.

Key words: Language attitudes, language acquaintance, language status, language acceptance, and language planning.

## Pendahuluan

Bahasa Melayu mempunyai peranan yang amat penting sebagai alat integrasi nasional. Fungsi ini diaplikasikan sebagai bahasa pengantar di sekolah. Walau bagaimanapun, masih timbul skeptikal tentang penerimaan terhadap bahasa itu dalam kehidupan seharian. Adakah ia benar-benar diterima atau hanya menunggu masa sahaja untuk dimuziumkan? Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauh mana penerimaan penduduk di kawasan bandar dan luar bandar terhadap bahasa Melayu, apakah kesan daripada arus globalisasi dan apakah kesan daripada peningkatan taraf bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia?

Dalam kajian kebahasaan ini, pengkaji berhasrat untuk menyelidiki sikap berbahasa. Data kajian ini adalah dikutip di enam buah daerah di Pahang. Secara lebih terperinci, tujuan utama kajian ini dilakukan adalah untuk: Mengenal pasti perubahan sikap terhadap bahasa Melayu, Mengenal pasti tahap penerimaan penduduk sebahagian besar daerah Pahang terhadap bahasa Melayu baku, dan seterusnya membandingkan nilai komersial bahasa Melayu dengan bahasa lain.

## Kajian Lepas

Pada hari ini satu himpunan penyelidikan tentang persepsi penggunaan bahasa Melayu telah ada. Antaranya, Awang Sariyan (1988) turut

menyentuh persepsi penggunaan bahasa Melayu apabila memperkatakan isu-isu bahasa Malaysia. Menurut beliau pengisian kemerdekaan melalui penggunaan bahasa Malaysia masih belum membanggakan, sebaliknya, hanya retorik dan slogan. Beliau memberi saranan bahawa golongan perancang bahasa harus bersikap memimpin, dan golongan pengguna bahasa bersedia pula untuk dipimpin. Hanya dengan demikian saja terisinya maksud mendaulatkan bahasa kebangsaan, bukan sebagai lambang semata-mata, tetapi sebagai alat pembinaan negara, melalui peranannya sebagai bahasa moden.

Dalam kajiannya Asmah Haji Omar (1986) merumuskan bahawa sikap orang Melayu terhadap budaya asing tidaklah bersifat *confrontational*. Orang Melayu melihat sesuatu unsur budaya baru dalam lingkungan hidup mereka sebagai suatu tambahan unsur dalam budaya hidup mereka, tanpa menimbulkan konflik yang membawa kepada kemusnahan. Mereka menapis dan menerima apa yang dianggap baik bagi kesejahteraan hidup mereka dan menolak yang sebaliknya.

Norizah (1990) telah mengkaji fenomena kebahasaan ini di kalangan pelajar Tahun 2, jurusan Undang-Undang Universiti Malaya. Beliau memilih informan daripada kelompok pelajar yang berketurunan Melayu dan Cina. Sebanyak 16 orang informan yang dikaji, iaitu lapan orang berketurunan Melayu dan lapan orang lagi berketurunan Cina. Dalam kajian ini, beliau telah membahagikan setiap kumpulan kepada dua kelompok iaitu, satu kelompok terdiri daripada pelajar-pelajar yang berasal dari bandar, dan satu lagi kelompok pelajar yang berasal dari kampung. Norizah telah mendefinisikan sikap atau *attitude* sebagai perlakuan yang ditunjukkan terhadap sesuatu. Istilah *Language Attitude* ini sebahagiannya merujuk kepada anggapan dan penilaian yang diberikan oleh masyarakat terhadap sesuatu bahasa atau bahasa lainnya, atau tentang sesuatu dialek berbanding dialek yang lain dalam sesuatu bahasa. Hasil daripada definisi dan tanggapan tentang *Language Attitude* maka disimpulkannya bahawa sikap seseorang terhadap bahasa dapat dilihat berdasarkan lima faktor-faktor psikologi, kedudukan geografi, latar belakang buday, latar belakang pendidikan dan latar belakang keluarga.

Dapatan kajian Norizah menjelaskan bahawa terdapat perbezaan di kalangan informan dalam memilih bahasa yang digunakan. Bagi informan yang berketurunan Cina, mereka cenderung menggunakan bahasa Inggeris daripada menggunakan bahasa ibunda sendiri, sebaliknya, informan Melayu pula lebih cenderung menggunakan bahasa Melayu daripada bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, dalam situasi rasmi dan adanya tanggapan tentang value judgement terhadap situasi tersebut,

kedua-dua kelompok informan lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris. Dalam situasi biasa atau situasi yang tidak ada tanggapan tentang prestij, kedua-dua kelompok informan cenderung membuat code switching di antara sama ada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris atau bahasa Melayu dengan bahasa Cina. Walau bagaimanapun, sikap terhadap situasi-situasi seperti yang digambarkan di atas mungkin juga dipengaruhi oleh kursus yang mereka ikuti di universiti dan cita-cita masa depan mereka.

Mohd. Firdaus Abu Salam (2003) telah melakukan tinjauan tentang sikap serta motivasi pelajar terhadap pembelajaran bahasa Inggeris serta kaitannya dengan pencapaian mata pelajaran tersebut di sekolah menengah bahagian pedalaman Sabah. Selain itu, kajian ini juga mengukur kekuatan dua hubungan; iaitu hubungan di antara sikap dan motivasi, dan hubungan di antara motivasi dan pencapaian. Hubungan setiap pemboleh ubah dijelaskan melalui model Socio-educational yang dikemukakan oleh Gardner. Berasaskan model tersebut, satu kerangka konseptual dibentuk menjadi garis panduan kajian seterusnya menjelaskan hubungan setiap pemboleh ubah bagi menjawab persoalan-persoalan diutarakan. Dalam kajian ini, beliau merujuk makna sikap kepada satu keadaan fikiran, perasaan dan reaksi teratur terhadap manusia, kumpulan, isu-isu sosial atau sebarang peristiwa. Seterusnya, sikap terhadap bahasa Inggeris memperlihatkan persepsi, pendapat dan pendirian pelajar hasil tindak balas faktor-faktor yang melatari perkembangannya. Sikap tersebut dibahagikan kepada tiga jenis yang menunjukkan ciri-ciri pengaruh yang berbeza, iaitu:

- Sikap Integratif: Pandangan terhadap bahasa Inggeris hasil pengaruh secara langsung oleh faktor ibu bapa, keluarga dan masyarakat sekitar.
- Sikap Pembelajaran: Pandangan terhadap bahasa Inggeris hasil pengaruh secara langsung oleh faktor guru, rakan sekelas dan aktiviti-aktiviti sekolah.
- Sikap Instrumental: Pandangan terhadap bahasa Inggeris hasil pengaruh secara tidak langsung oleh media massa, ibu bapa, keluarga, masyarakat, guru, rakan sekelas, dan aktiviti-aktiviti sekolah.

Zamri Mahamod dan Zarina Othman (2001) melakukan analisis terhadap laporan kemerosotan pencapaian Mata Pelajaran Bahasa Melayu (BM), baik pada peringkat SPM mahupun PMR, yang dilakukan

oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Didapati sikap merupakan salah satu daripada faktor penyumbang kepada kemerosotan pencapaian tersebut. Oleh itu, mereka telah melakukan satu kajian yang bertajuk Sikap Pelajar Cina Terhadap Pembelajaran BM sebagai bahasa Kedua. Hasil penyelidikan mereka menunjukkan ramai pelajar Cina tidak pasti tujuan mereka mempelajari BM. Namun, hampir separuh daripada pelajar Cina masih mempunyai sikap yang positif terhadap proses pembelajaran BM sebagai bahasa kedua, terutamanya pelajar Cina perempuan. Pelajar perempuan didapati mempunyai sikap yang lebih positif terhadap pembelajaran BM berbanding pelajar lelaki. Faktor guru dalam mempengaruhi sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran BM pula, didapati ada pelajar yang berpendapat bahawa guru BM mereka dapat mengubah sikap mereka tetapi juga terdapat pelajar Cina yang tidak bersetuju terhadap hal ini. Namun, secara perbandingan, kebanyakan pelajar Cina adalah bersetuju bahawa guru BM mempunyai pengaruh dalam mengubah sikap dan pandangan mereka dalam pembelajaran BM. Sa' adiah (1998) dalam kajiannya di kalangan pelajar Malaysia di Britain memberi tiga alasan tentang kepentingan sikap dalam berinteraksi dengan masyarakat. Alasan-alasan tersebut termasuklah:

- 1) Sikap menunjukkan penilaian nilai kepercayaan semula jadi seseorang,
- 2) memahami sikap memudahkan seseorang berinteraksi dengan masyarakat,
- 3) pelbagai aspek yang ada pada seseorang dapat dilihat pada sikap yang dipegangnya.

Setiap orang mempunyai sikap yang berbeza terhadap sesuatu perkara. Oleh itu, sikap seseorang mudah berubah dan mudah pula disesuaikan dengan fungsi sikap itu sendiri. Hal ini kerana, sikap bahasa dapat membentuk kecekapan bahasa sesuatu masyarakat.

Walau bagaimanapun, sehingga ke hari ini masih belum ada kajian tentang persepsi penggunaan bangsa Melayu bersifat makro dan mikro di akar umbi masyarakat sebagaimana dilakukan oleh kajian ini.

## Metodologi Kajian

Kajian ini adalah bersifat makro kerana ia diasaskan data *primer* yang dikutip dalam kawasan geografi yang luas, iaitu enam daerah di Pahang meliputi Temerloh, Maran, Jerantut, Muadzam Shah, Kuala Lipis dan

Kuantan. Pada masa sama, ia bersifat mikro kerana data tersebut dikutip di setiap lokaliti secara terperinci. Data tersebut dikutip melalui soal-selidik yang merangkumi soal-an untuk mengukur tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu, sikap dan penerimaan bahasa Melayu serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu. Sebanyak 200 borang soal-selidik yang mengandungi 40 soal diedarkan di enam buah daerah tersebut. Soalan-soalan tersebut di bahagikan kepada tiga bahagian utama iaitu, tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu, sikap dan penerimaan bahasa Melayu serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu. Selain itu, soalan-soalan juga meliputi lapar pemboleh ubah iaitu: Umur, Jantina, Status Perkahwinan, Keturunan, Agama, Pendapatan, Pendidikan dan Lokasi Kediaman.

Di samping itu, kaedah temu bual secara intensif turut dilakukan khususnya di kalangan responden yang tidak tahu membaca, bermasalah penglihatan serta sukar memahami kehendak soalan. Kumpulan pengkaji bertanggung jawab untuk menemu bual dengan cara membaca serta menerangkan setiap soalan yang dikemukakan dalam soal selidik. Seterusnya, kaedah pemerhatian ikut serta juga dilakukan. Ini adalah untuk membolehkan kumpulan pengkaji melihat sendiri kesahihan data dan informasi yang diberikan para responden.

Data yang diperoleh daripada soal selidik ini akan dianalisis menggunakan kaedah SPSS. Dalam kajian ini, kaedah Jadual Silang (Crosstabulation), kaedah pengiraan peratusan, Ujian Statistik *Anova*, digunakan oleh pengkaji untuk memproses data. Dari sesi ujian realibiti, digunakan kaedah *alfa cronbach*, manakala untuk mengukur validiti, digunakan kaedah kolerasi *product moment*. Dalam ujian statistik *Anova*, ujian *post hoc* telah digunakan.

Data yang diperoleh dari instrumen soal selidik dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS version 12). Analisis SPSS biasanya digunakan bagi memperihalkan keadaan data yang terdapat dalam sampel kajian selain membantu penyelidik membuat ringkasan data supaya lebih mudah difahami. Selain itu, menerusi analisis ini juga, data yang diperoleh disusun, dikelas dan kemudian rumusan akan dibuat berdasarkan sifat sesuatu kumpulan yang dikaji. Analisis data dilakukan dengan bantuan pembantu-pembantu penyelidik yang terlatih.

## Responden

Seperti telah dinyatakan, kajian ini dilakukan dan di enam buah daerah di negeri Pahang, meliputi Temerloh, Maran, Jerantut, Muadzam Shah, Kuala Lipis dan Kuantan. 200 orang responden telah disoal-selidik dan ditemubual. Para penemu bual-penemu bual adalah terdiri daripada empat orang pelajar Sarjana dalam bidang Kajian Bahasa Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Responden-responden tersebut terdiri daripada pelbagai golongan masyarakat dan di pelbagai lokaliti. Kebanyakannya terdiri daripada golongan responden berbangsa Melayu yang berumur. Secara keseluruhannya, pengagihan soal selidik di setiap daerah yang dikaji melibatkan bilangan responden yang agak seimbang. Ini supaya menepati kehendak kajian.

JADUAL 9.1. Responden Mengikuti Daerah

DAERAH	RESPONDEN	Catatan
Kuantan:	1) Bandar - di pusat membeli belah dan perhentian teksi 2) Pinggir bandar - per-kampungan nelayan di kampung Balok Pantai.	
Muadzam Shah:	Kakitangan dan pelajar-pelajar Politeknik Muadzam Shah yang berasal dari daerah tersebut	Ini bertujuan mengukuhkan lagi dapatan kajian dengan mengambil kira pandangan golongan kakitangan dan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi yang terdiri daripada pelbagai bangsa.
Temerloh:	1) Sekitar bandar berkenaan 2) Pinggir bandar berkenaan	
Maran:	1) Penduduk Kampung Kuala Sentul 2) Felcra Sri Makmur	
Jerantut:	1) Sekitar bandar berkenaan 2) Kakitangan Sekolah Tunas Bakti	

Kuala Lipis: 1) Luar bandar, iaitu di Kampung Keledek, Mukim Batu Yon yang terletak 30 kilometer dari bandar Lipis

---

Sumber: Kajian lapangan

## Dapatan

Kajian ini membuat analisis tentang penerimaan terhadap bahasa Malaysia mengikut Umur, Jantina, Status Perkahwinan, Keturunan, Agama, Pendapatan dan Lokasi Kediaman. Tujuh elemen ini dijadikan angkubah kepada kajian ini.

### Mengikut Umur

Berdasarkan data yang diperoleh, didapati tidak terdapat perbezaan penguasaan bahasa Melayu mengikut umur. Umur kognitif rentang iaitu 20 tahun sudah menunjukkan umur dewasa dan telah menunjukkan kematangan dalam menguasai kemampuan berbahasa Melayu. Ini selari dengan kebanyakan teori yang menyatakan umur dewasa sama ada dewasa awal hingga ke peringkat dewasa akhir memiliki kesamaan dalam penguasaan bahasa.

Walau bagaimanapun, sikap dan penerimaan bahasa Melayu mengikut perbezaan umur telah menunjukkan perbezaan yang agak ketara. Dalam skala sikap dan penerimaan bahasa Melayu, kelompok umur 20 tahun ke bawah menunjukkan sikap dan penerimaan yang rendah berbanding dengan umur 21 tahun ke atas. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor umur di bawah 20 tahun ialah masa remaja yang belum mampu menghayati peranan bahasa Melayu. Pada umur ini, mereka lebih cenderung melihat budaya luar lebih tinggi daripada budaya tempatan. Ertinya, faktor kedewasaan sangat besar pengaruhnya terhadap sikap dan penerimaan bahasa Melayu. Apabila dilihat dari sudut kematangan sosial pada tahap umur dewasa awal ini, mereka belum dapat menggambarkan komponen-komponen budaya khususnya bahasa menjadi sesuatu yang dihayati atau dijatidirikan ke dalam fikiran dan emosinya. Apa lagi ditambah oleh kurang matangnya sistem sosial yang menitik beratkan persoalan budaya kepada para remaja untuk mencintai budaya



mereka sendiri. Tambahan pula, penyajian berita dan maklumat selalu lebih mendapat tempat dan penghargaan apabila diketengahkan dalam bahasa Inggeris.

Begitu juga dengan sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu yang menunjukkan min yang paling rendah adalah pada umur 20 tahun ke bawah, walaupun secara statistik tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan yang ada. Persoalan ini tetap mengarah kepada kecerdasan sosial umur 20 tahun ke bawah (remaja) yang lebih dipengaruhi oleh simbol-simbol tertentu. Dalam dunia moden ini, secara fakta bahasa Melayu bukanlah sesuatu bahasa yang mendunia atau mengglobal, sains dan teknologi lebih sering disajikan dalam bahasa Inggeris, sehingga menyebabkan muncul ketidakpercayaan di kalangan remaja terhadap kemampuan bahasa Melayu dalam dunia globalisasi. Secara ringkasnya, golongan yang berada pada peringkat umur ini belum mampu berfikir secara abstrak tentang potensi bahasa Melayu dalam dunia sains dan teknologi. Apatah lagi dalam isu pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris, ini akan menjadi suatu soft stimulus untuk mengarah pemikiran bahawa semakin rendahnya mutu bahasa Melayu dalam percaturan dunia global. Sebaliknya, bagi kelompok dewasa pertengahan dan akhir mereka telah mampu menerima isu pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris ini hanyalah suatu *brainstorm* untuk lebih memacu kualiti sains dan matematik kebangsaan, dan bukanlah suatu realiti yang sebenarnya yang menunjukkan rendahnya kualiti bahasa Melayu di antara bahasa lain di dunia.

### Mengikut Jantina

Selanjutnya jika dilihat dari segi jantina, penguasaan dan pengetahuan, sikap dan penerimaan serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu menunjukkan tidak ada perbezaan yang signifikan antara lelaki dan perempuan. Hal ini disebabkan kerana, sama ada lelaki mahupun perempuan memiliki peluang yang sama untuk belajar, mendapatkan maklumat serta kemudahan untuk mengetahui setiap dimensi keilmuan yang berkembang pada saat ini.

Dari segi penguasaan pengetahuan bahasa Melayu lelaki dan perempuan pada saat ini telah memiliki kemampuan penguasaan pengetahuan yang sama, kerana setiap peringkat pengajian telah diajarkan bahasa Melayu sama ada di sekolah rendah, menengah mahupun

pendidikan tinggi. Pada hakikatnya, antara lelaki dan perempuan terdapat perlakuan yang sama dalam proses belajar dan mengajar, sehingga memberi kesan kepada sikap dan penerimaan bahasa Melayu serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu di kalangan pelajar lelaki dan perempuan.

### Mengikut Status Perkahwinan

Demikian juga, dari segi status perkahwinan, sama ada yang telah berkahwin mahupun yang belum berkahwin, tidak menunjukkan perbezaan dari segi penguasaan dan pengetahuan bahasa Melayu. Hal ini disebabkan oleh sifat dasar penguasaan pengetahuan bahasa Melayu adalah sesuatu yang formal digunakan oleh komuniti masyarakat di Malaysia, sehingga mahu tidak mahu bahasa Melayu harus diketahui dan dikuasai oleh masyarakat. Dari segi sikap dan penerimaan bahasa Melayu, serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu antara golongan yang berkahwin dengan yang belum berkahwin menunjukkan perbezaan yang signifikan. Hal ini disebabkan oleh kedewasaan psikososial yang dimiliki orang yang telah berkahwin mempunyai kestabilan cara berfikir yang lebih luas ketika memandangkan khazanah kebudayaan yang mereka miliki. Faktor perkahwinan dalam banyak *literature* merupakan aspek yang mempengaruhi cara berfikir seseorang. Orang yang telah berkahwin cenderung melihat sesuatu yang lebih abstrak daripada hal-hal yang konkrit.

### Mengikut Keturunan

Dari segi keturunan atau etnik, penguasaan pengetahuan, sikap dan penerimaan serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu, terdapat perbezaan antara etnik Melayu dan bukan Melayu. Jika ditinjau dari segi penguasaan pengetahuan bahasa Melayu, bagi orang yang bukan etnik Melayu, mereka memang wajar memiliki penguasaan pengetahuan bahasa Melayu yang lebih rendah berbanding dengan etnik Melayu. Hal ini adalah disebabkan bagi etnik Melayu, bahasa Melayu adalah bahasa ibunda atau bahasa pertama yang diperoleh mereka. Begitu juga apabila dilihat dari segi sikap dan penerimaan, serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu, etnik bukan Melayu menunjukkan tahap yang lebih rendah berbanding etnik Melayu. Hal ini disebabkan oleh sosiobudaya berbahasa, bahawa manusia lebih cenderung

menganggap bahasa adalah sebahagian daripada budaya, dan ia tentu akan mewujudkan egosentrik dalam budaya. Menurut pandangan psikologi kognitif, budaya telah ditanamkan dari awal lagi dan menjadi skema dalam cara berfikir seseorang. Dengan lain perkataan, telah terjadi kecenderungan bahawa budaya yang terbaik adalah budaya komuniti kita sendiri. Masing-masing akan cuba menunjukkan bahawa budaya sendiri adalah lebih berkemampuan berbanding budaya lain.

### Mengikut Agama

Dari segi agama, penguasaan pengetahuan, sikap dan penerimaan serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu menunjukkan bahawa orang yang beragama Islam lebih tinggi tahapnya berbanding orang yang bukan Islam. Hal ini disebabkan oleh suatu pernyataan sosial bahawa 'Islam adalah Melayu dan Melayu adalah Islam'. Ketika kita berbicara persoalan kemelayuan, sama ada dalam konteks sosial, budaya mahupun politik adalah sinonim dengan Islam. Wajar apabila orang bukan Islam tidak menunjukkan tahap yang sama dengan orang Islam. Agama adalah satu hal yang sangat subjektif dan mempunyai sangkutan emosi yang amat kuat. Setiap orang akan cenderung menolak sesuatu yang bukan termasuk dalam unsur agama yang diyakininya.

### Mengikut Pendapat

Dari segi pendapat, penguasaan pengetahuan, sikap dan penerimaan serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu tidak menunjukkan perbezaan. Hal ini disebabkan oleh pemboleh ubah pendapat tidak memberi pengaruh signifikan kepada proses komunikasi dalam bahasa Melayu, sama ada berpendapatan tinggi atau rendah. Demikian juga, dengan sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu tidak dipengaruhi oleh pendapatan. Dalam banyak hal, pendapat adalah pemboleh ubah yang berpengaruh terhadap pola hidup, manakala dalam pola budaya ia kurang berpengaruh.

### Mengikut Pendidikan

Dari segi tahap pendidikan, tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu memperlihatkan perbezaan sikap. Di sini didapati bahawa

kelompok yang berpendidikan tinggi menunjukkan tahap yang lebih tinggi berbanding kelompok yang bersekolah menengah dan yang bersekolah rendah. Hal ini disebabkan oleh pengaruh pendidikan tinggi di negara ini telah membudayakan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu yang tentunya pada tingkat pendidikan tinggi penguasaan pengetahuan bahasa Melayu terus berkembang berbanding kelompok pendidikan lainnya.

Demikian juga halnya dengan sikap dan penerimaan bahasa Melayu, kelompok berpendidikan tinggi lebih menunjukkan tahap yang tinggi berbanding kelompok pendidikan yang lain. Hal ini juga disebabkan oleh pengaruh budaya pendidikan yang sudah menekankan penggunaan bahasa Melayu, manakala sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu tidak menunjukkan perbezaan. Hal ini disebabkan oleh konsep tentang kemampuan bahasa Melayu lebih kepada pola budaya bersama dalam memandang bahasa Melayu sebagai bahasa negara atau bahasa ibunda.

### Mengikut Lokasi Kediaman

Dari segi lokasi, tidak terdapat perbezaan antara tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu penduduk bandar dan luar bandar. Hal ini disebabkan oleh masyarakat sama ada tinggal di kawasan bandar ataupun luar bandar menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi. Ertinya, penduduk bandar dan luar bandar mendapat pendidikan yang sama tentang bahasa Melayu, manakala sikap dan penerimaan serta sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu antara bandar dan luar bandar terdapat perbezaan. Dalam hal ini, penduduk luar bandar memiliki tahap yang lebih tinggi berbanding penduduk bandar. Hal ini disebabkan oleh penduduk luar bandar belum mendapat pengaruh yang merubah sikap mereka terhadap bahasa Melayu. Ertinya, pengaruh modenisasi dan globalisasi memberikan implikasi terhadap sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu. Orang bandar adalah berkemungkinan lebih dipengaruhi oleh modenisasi dan globalisasi. Selain itu, dapat dikatakan juga bahawa bagi orang luar bandar, mereka masih memegang budaya dengan kukuh terutama simbolisasi berbahasa sebagai cerminan budaya.

Terdapat hubungan antara penguasaan dan pengetahuan bahasa Melayu dengan sikap dan penerimaan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan seseorang mempengaruhi sikap seseorang. Dalam teori perkembangan kognitif, pengetahuan adalah

modal dasar untuk seseorang melakukan persepsi terhadap objek yang dihadapinya. Persepsi akan berbeza mengikut pengetahuan yang dimiliki oleh seseorang.

Terdapat juga hubungan antara tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu dengan sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa pengetahuan berhubungan dengan objek sesebuah penilaian. Semakin tinggi dan baik pengetahuan seseorang tentang sesuatu objek, maka semakin tinggi dan baik pula penilaian yang diberikan kepada objek tersebut.

Dapatan kajian menunjukkan terdapat pengaruh tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu dan sikap dan penerimaan bahasa Melayu terhadap sikap dan pandangan tentang kemampuan bahasa Melayu. Ini menunjukkan bahawa pengetahuan dan sikap seseorang mempengaruhi penilaian terhadap sesebuah objek. Dalam analisis regresi ini, yang paling berpengaruh terhadap kemampuan bahasa Melayu adalah penerimaan bahasa Melayu, bukan tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu. Hal ini adalah wajar kerana belum tentu pengetahuan yang cukup baik tanpa didorong oleh sikap yang baik akan melahirkan penilaian yang baik.

## Kesimpulan

Berdasarkan analisis statistik dan penghuraian yang dilakukan di atas, pengkaji mendapati bahawa sikap bahasa masyarakat Pantai Timur adalah berbeza mengikut pemboleh ubah- pemboleh ubah yang telah ditetapkan. Berdasarkan kaedah SPSS, kaedah peratusan, ujian statistik Anova dan kaedah kesahan dan kebolehpercayaan serta ujian T yang diuji menunjukkan bahawa terdapat perbezaan ketara di antara umur, keturunan, agama, taraf pendidikan dan lokasi kediaman. Namun begitu, jika dilihat dari segi taraf pendapatan dan taraf perkahwinan, analisis mendapati perbezaannya tidak begitu signifikan.

Berdasarkan kajian yang dilakukan ini, secara keseluruhannya, masyarakat Pantai Timur di negeri Pahang ini mempunyai pandangan yang positif terutama bagi etnik Melayu terhadap bahasa Melayu iaitu dari segi tahap penguasaan pengetahuan bahasa Melayu, sikap dan penerimaan bahasa Melayu serta sikap dan pandangan terhadap kemampuan bahasa Melayu berbanding etnik lain.

## Rujukan

- Asmah Haji Omar. 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2006. Pertemuan antara peradaban Melayu dengan peradaban luar: Tumpuan khas kepada sikap terhadap bahasa dan unsur-unsur budaya. Dlm. Paitoon M. Chaiyanara et. al (edt). *Bahasa: Memeluk Akar Menyuluh ke Langit*. Jabatan Bahasa dan Budaya Melayu, Nanyang Universiti.
- Awang Sariyan. 1988. *Isu-isu Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Kamsiah Abdullah. 2000. Perbandingan antara sikap dan keupayaan dalam berfikir secara kritis. Dalam Darwis Harahap dan Abdul Jalil Anuar (pnyt). *Kolokium Bahasa dan Pemikiran Melayu/Indonesia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Firdaus Abu Salam. 2003. *Sikap dan Motivasi Pembelajaran Inggeris serta Implikasinya Terhadap Pencapaian: Satu analisis di kalangan pelajar sekolah menengah pedalaman Sabah*. Tesis sarjana UKM.
- Norizah Ardi. 1990. Sikap Bahasa: Satu tinjauan ringkas. *Dewan Bahasa*. (4): 270-278.
- Sa'adiyah Maalip. 1998. Sikap bahasa: Satu kajian di kalangan pelajar Malaysia di Britain. *Dewan Bahasa*. 42 (9): 824-832.
- Zamri Mahamod & Zarina Othman. 2001. Sikap Pelajar Cina Terhadap Pembelajaran bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Dewan Bahasa*. 2: 40-43.